



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
Pusat Peperiksaan LPKKKP
d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E
Tel : 03-89113800 | Emel : exam[at]niosh.com.my

No. Rujukan : NIOSH/06/100-6-9 (49)

Tarikh : 31 Julai 2025

NOTIS MAKLUMAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN NRA DAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) NRA

Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PENGGUNAAN SOALAN BAHARU PEPERIKSAAN PENAKSIR RISIKO BISING (NRA) BERMULA SESI PEPERIKSAAN TAHUN 2026.

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan pihak Jawatankuasa Kompetensi Penaksir Risiko Bising (NRA) dibawah Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) bersetuju agar soalan baharu peperiksaan NRA berdasarkan akta dan perundangan terkini dengan merujuk modul baharu NRA yang diluluskan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) kepada Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) akan digunakan bermula sesi peperiksaan tahun 2026.

3. Peserta kursus NRA yang masih belum mendaftar sebagai calon dan menduduki peperiksaan pertama dalam tempoh satu (1) tahun selepas tamat kursus dan calon peperiksaan NRA yang masih berstatus Belum Lengkap (masih dalam tempoh 2 tahun untuk melengkapkan peperiksaan dari tarikh peperiksaan pertama), perlulah menduduki sesi peperiksaan September 2025 dan Disember 2025 sebelum tempoh tamat. Sila layari laman sesawang NIOSH bagi membuat pendaftaran peperiksaan sebelum tarikh tutup permohonan.

4. Calon digalakkan untuk menghadiri sesi kursus peralihan NRA anjuran PLB sebelum menduduki peperiksaan NRA soalan baharu bermula sesi peperiksaan tahun 2026.

5. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/ puan boleh menghubungi Pusat Peperiksaan LPKKKP (d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan, NIOSH) di talian 03-89113800/ mesej Whatsapp 019-6668599 atau e-mel wecare@niosh.com.my.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,

BAHRUDIN BIN MAMAT

Pengerusi

Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)